

PANDUAN PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET HIDUP DALAM TEMPOH PERALIHAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Keluaran:

Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

11 November 2019

PENDAHULUAN

Panduan Pengesahan Data Baki Awal Aset Hidup Dalam Tempoh Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan ini bertujuan untuk memberikan rujukan kepada Juruaudit Dalam dan Ketua Unit Audit Dalam (UAD) di Kementerian. Panduan ini merupakan dokumen utama yang perlu dirujuk oleh UAD dalam melaksanakan proses verifikasi dan pengesahan ke atas data baki Awal Aset Hidup Kerajaan Persekutuan.

Juruaudit Dalam dan Ketua UAD boleh mengamalkan ketelitian profesional sewajarnya dengan kepakaran dan kemahiran semasa menjalankan proses pengesahan data baki awal ini.

Panduan pengesahan data oleh UAD merupakan salah satu elemen dalam "Barisan Pertahanan Kedua" iaitu bertindak sebagai pengawasan dan kawalan bagi memperluaskan peranan pengawasan risiko. Ini adalah selaras dengan penetapan yang diluluskan di Mesyuarat Tadbir Urus Jabatan Akauntan Negara Malaysia iaitu Strategi Pengumpulan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan.

Panduan ini turut boleh dimuat turun dari laman sesawang Portal Rasmi Perakaunan Akruan www2.anm.gov.my.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan (kecuali agensi-agensi Kerajaan Malaysia) mengeluarkan ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan garis panduan ini dalam apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapatkan keuntungan sebelum memperoleh izin bertulis daripada pengeluar.

Pengarah

Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia


Kompleks Kementerian Kewangan

No.1 Persiaran Perdana

Presint 2, 62594 Wilayah Persekutuan Putrajaya

No. Tel. : 03 8882 1000 No. Faks : 03 8882 1765

Panduan Pengesahan Data Baki Awal Aset Hidup Dalam Tempoh Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan

Bil.	Panduan Pengesahan	Rujukan				
1.	<p>Mendapatkan Templat Pengumpulan Data Baki Awal Aset Hidup.</p> <p><u>Panduan:</u></p> <p>1.1 Juruaudit Dalam dan Ketua UAD perlu mendapatkan Templat Pengumpulan Data Baki Awal Aset Hidup yang dilengkapi oleh PTJ Kementerian daripada Ketua Akauntan (KA).</p> <p>1.2 Templat disediakan berdasarkan kepada tarikh <i>cut off</i> yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).</p> <p>1.3 Panduan Pengisian Templat Pengumpulan Data Baki Awal Aset Hidup boleh dimuat turun di laman web https://www2.anm.gov.my seperti Rajah 1.</p> 	<p>Dokumen tarikh cut off Templat Pengumpulan Data Baki Awal Aset Hidup yang telah disahkan oleh KA:</p> <table border="0"> <tr> <td data-bbox="1129 516 1346 548"><u>Tarikh Cut-off</u></td> <td data-bbox="1478 516 1709 548"><u>Tarikh Diterima</u></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1129 597 1388 630">31 Disember 2019</td> <td data-bbox="1478 618 1812 630">_____</td> </tr> </table>	<u>Tarikh Cut-off</u>	<u>Tarikh Diterima</u>	31 Disember 2019	_____
<u>Tarikh Cut-off</u>	<u>Tarikh Diterima</u>					
31 Disember 2019	_____					

2.	<p>Bersetuju dengan Kos Perolehan (RM) untuk Aset Hidup.</p> <p><u>Panduan:</u></p> <p>2.1 Juruaudit Dalam dan Ketua UAD perlu merujuk Polisi Perakaunan dan Pekeliling berkuatkuasa untuk Aset Hidup seperti di bawah:</p> <p>a) MPSAS 17: Property, Plant and Equipment, <i>Interpretation of Accounting Policies</i> dan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan;</p> <p>b) Pekeliling Perbendaharaan: Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan (TPH): Pendaftaran AM 4.3 (Kew.AH); dan</p> <p>c) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.10/2017 Carta Akaun Asas Akruan.</p> <p>Nota: * a boleh dimuat turun di laman web https://www2.anm.gov.my ** b boleh dimuat turun di laman web Kementerian Kewangan *** c boleh dimuat turun di laman web https://www.anm.gov.my</p>	<p>Penentuan Kos Perolehan (RM) adalah dengan merujuk perenggan 26 – 41 MPSAS 17.</p> <p>Kod Akaun Asas Akruan dan Usia Guna Aset Hidup perlu dipatuhi seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Kod Akaun</th> <th style="text-align: center;">Perihal</th> <th style="text-align: center;">Usia Guna (Tahun)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">A1436102</td> <td style="text-align: center;">Haiwan Keselamatan Dan Pertahanan</td> <td style="text-align: center;">15</td> </tr> </tbody> </table> <p>Medan nombor Siri Pendaftaran pada dokumen KEW.AH perlu dilengkapkan.</p>	Kod Akaun	Perihal	Usia Guna (Tahun)	A1436102	Haiwan Keselamatan Dan Pertahanan	15
Kod Akaun	Perihal	Usia Guna (Tahun)						
A1436102	Haiwan Keselamatan Dan Pertahanan	15						

<p>3.</p>	<p>Pemeriksaan dan pengesahan kewujudan Aset Hidup</p> <p><u>Panduan:</u></p> <p>3.1 Juruaudit Dalam dan Ketua UAD perlu mendapatkan sampel sebanyak 50 Aset Kementerian berdasarkan senarai terakhir pada 31 Disember 2019.</p> <p>3.2 Juruaudit Dalam dan Ketua UAD digalakkan untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pengauditan bagi pemilihan aset tersebut.</p>	<p>Pilih 50 sampel daripada senarai Aset Hidup yang dibentangkan dan disahkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK). Kewujudan dan pemilikan Aset perlu dipasti dan disahkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pengecualian yang dinyatakan • Pengecualian tercatat
<p>4.</p>	<p>Laporkan dapatan verifikasi Aset Hidup di :</p> <p>4.1 Mesyuarat Kumpulan Kerja yang dipengerusikan oleh KA; atau</p> <p>4.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh KSU.</p>	<p>Setuju tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membetulkan dan/ atau semak semula penyenaian untuk ketepatannya</p>